

PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019

Soalan 1: Rumusan

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi : 20 markah
(b) Bahasa : 10 markah

(a) Isi (20 markah)

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
• nama khas
• perkataan berulang/ kata ganda
• penggunaan kata sendi di dan ke
• tarikh
• angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
• gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Jumlah isi										Markah
Pendahuluan											2
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup											2
Jumlah markah											20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-8	-kesinambungan isi baik -struktur ayat/ tatabahasa baik -kosa kata luas -tanda baca /ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	-kesinambungan isi masih baik -struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -kosa kata masih memuaskan -tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	-pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/

			tidak memuaskan
--	--	--	-----------------

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120 patah perkataan**, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, markah tidak dipotong.

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan langkah-langkah / kaedah-kaedah / cara-cara berjimat untuk aktiviti melancong dalam kalangan masyarakat.	2
P2	Rumusan membincangkan langkah-langkah / kaedah-kaedah / cara-cara berjimat untuk aktiviti melancong dan faedah-faedah melancong.	2
P3	Petikan membincangkan langkah-langkah / kaedah-kaedah / cara-cara berjimat untuk aktiviti melancong dan persediaan awal sebelum pergi melancong.	2
P4	Petikan membincangkan langkah-langkah / kaedah-kaedah / cara-cara berjimat untuk aktiviti melancong.	1
P5	Rumusan membincangkan langkah-langkah / kaedah-kaedah / cara-cara berjimat untuk aktiviti melancong	1
P6	Petikan membincangkan usaha-usaha berjimat untuk aktiviti melancong.	0
Isi Tersurat – [4 hingga 12 markah] (Usaha-usaha berjimat untuk aktiviti melancong)		
S1	Hanya guna duit tabungan yang diasingkan.	2
S2	Pilih negara yang mengadakan promosi pelancongan.	2
S3	Cari pakej pelancongan yang menawarkan harga yang murah.	2
S4	Merancang perbelanjaan dengan rapi dan teliti.	2
S5	Tentukan dengan betul negara, kota atau tempat peranginan.	2
S6	Menempah tiket penerbangan atau tiket bas lebih awal.	2
S7	Persiapan makanan dan kelengkapan anak-anak.	2
S8	Mendapatkan peta tempat tersebut.	2
S9	Memilih jenis pengangkutan yang sesuai.	2
S10	Elakkan menggunakan kad kredit.	2
Isi Tersirat: Kebaikan mengatasi		
T1	Dapat menimba ilmu tentang negara tersebut.	2
T2	Dapat mengenali budaya negara mereka.	2
T3	Dapat menambah ilmu kemahiran penulisan.	2
T4	Dapat mengetahui bahasa negara tersebut.	2
T5	Dapat mengerat hubungan kekeluargaan.	2
T6	Dapat informasi untuk digunakan dalam pembelajaran.	2
Kesimpulan [2 markah]		2
K 1	Kesimpulannya, usaha-usaha berjimat untuk aktiviti melancong perlu diambil berat oleh masyarakat agar percutian akan lebih menyeronokkan.	2
K 2	Kesimpulannya, masyarakat hendaklah berjimat untuk aktiviti melancong agar dapat bercuti dengan gembira.	2

*****Kesimpulan lain yang sesuai diterima**

Soalan 2 : Pemahaman

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh(50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/ salah	0

Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) - Petikan umum:		
(i)	Maksud rangkai kata memberikan kepuasan.	[Maksimum: 2 markah]
P1	mendatangkan / menghasilkan kenikmatan / kelegaan / kesenangan	2
P2	mendatangkan / menghasilkan kepuasan	1
P3	memberikan kenikmatan / kelegaan / kesenangan	1
(ii)	Persediaan awal [Isi cukup - 2 isi]	[Maksimum: 3 markah]
P1	pakaian yang bersesuaian perlu disediakan	
P2	visa dan pasport sudah diperoleh	
P3	pemeriksaan kesihatan	

(iii)	Cara-cara menarik lebih ramai pelancong ke negara ini [Isi cukup - 3 isi] [Maksimum : 4 markah]	
P1	peramah dan bersopan santun kepada setiap pelancong yang datang	
P2	mengadakan promosi di sesawang Internet	
P3	pengusaha resort / hotel menyediakan tempat yang selesa kepada pelancong yang datang	
P4	pemandu pelancong memperkenalkan makanan tempatan / tradisional	
P5	mengadakan pertunjukan budaya tradisional tempatan	
P6	peniaga menjual cenderamata dengan harga yang berpatutan	

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen:		
(i)	Pesanan bonda: [Isi cukup - 2 isi]	[Maksimum : 2 markah]
P1	Memberitahu Mel bahawa buku-buku lama itu khazanah nenek moyang mereka	1
P2	Meminta Mel mencari sahabat lamanya yang bernama Munsyi	1
P3	Meminta Mel menyerahkan buku-buku itu kepada Munsyi	1
(ii)	Usaha memupuk minat remaja: [Isi cukup - 2 isi]	[Maksimum: 3 markah]
P1	Pusat sumber sekolah memperbanyak buku sastera dan karya agung.	
P2	Ibu bapa membelikan anak-anak buku sastera sejak kecil.	
P3	Ibu bapa menceritakan cerita rakyat dan klasik kepada anak-anak sejak kecil.	
P4	Media massa mempromosikan karya sastera kepada remaja.	
P5	Kerajaan mengadakan pameran karya sastera.	
P6	Kerajaan mengadakan Kempen Cintai Sastera .	
P7	Guru mengajarkan bahan kesusasteraan melalui antologi dan novel.	
	**Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima.	
(iii)	Perwatakan Mel: [Maksimum : 4 markah]	
P1	Dalam petikan cerpen Seorang yang akur akan permintaan ibu. Contoh: Mel akur akan permintaan bonda yang mahu dia menjaga buku-buku itu dengan baik.	1 + 1
P2	Seorang yang amanah. Contoh: Mel menyampaikan amanah bondanya iaitu buku-buku yang sepatutnya diserahkan kepada Munsyi ketika dia pergi ke bandar.	1 + 1
	Dalam keseluruhan cerpen	
P1	Seorang anak yang taat. Contoh: Mel tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke	1 + 1

	bandar.	
P2	Seorang yang gemar membaca Contoh: Mel telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.	1 + 1
P3	Seorang yang tidak mudah putus asa. Contoh: Mel meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.	1+1
**Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima.		

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional:	
(i)	Maksud penjurit besar lagi kepetangan: [Maksimum : 2 markah]
P1	Hulubalang / askar / pahlawan / perajurit yang hebat dan pandai membuat helah / licik / tipu muslihat / cerdik
(ii)	Tindakan Kertala Sari setelah sampai ke Melaka: [Isi cukup - 2 isi] [Maksimum: 3 markah]
P1	Singgah di kota yang ramai penduduk Jawa
P2	Menyamarkan dirinya kepada penduduk Jawa
P3	Keluar masuk kampung orang kaya-kaya dan saudagar
(iii)	Tindakan yang wajar dilakukan: [Isi cukup - 2 isi] [Maksimum: 3 markah]
P1	Meminta bantuan orang ramai untuk memberitahu ahli keluarga mangsa
P2	Menelefon pihak polis untuk menyiasat dengan lebih lanjut
P3	Memberikan kerjasama kepada pihak polis dengan memberikan keterangan lanjut

Soalan 2(d) - Petikan Sajak:	
(i) Pen	Harapan penyajak dalam rangkap ketiga: [Maksimum : 2 markah]
P1	Penyajak berharap agar anak-anaknya sama ada yang sanggup berbakti atau yang telah melupakannya akan diberikan keinsafan.
(ii)	Sebab anak-anak bertindak menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua-tua: [Isi cukup - 2 isi] [Maksimum: 3 markah]
P1	Tidak mempunyai sifat tanggungjawab
P2	Tidak mempunyai masa untuk menjaga ibu bapa
P3	Terlalu sibuk dengan kerjaya
(iii)	Dua Pengajaran daripada sajak: [Maksimum : 4 markah]
P1	Kita mestilah menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa kita agar penat lelah mereka selama ini dapat dibalas.
P2	Kita hendaklah sentiasa menziarahi ibu bapa kita supaya mereka tidak berasa sunyi.
P3	Kita perlulah menjaga ibu bapa kita setelah mereka tua supaya kebajikan

	mereka terjamin.	
P4	Kita hendaklah sedar bahawa tiada yang kekal di dunia kecuali Tuhan agar kita menghargai orang di sekeliling kita.	1+1
P5	Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain walaupun mereka tidak bersikap baik dengan kita supaya permusuhan tidak berpanjangan.	1+1

Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa)

Markah penuh iaitu **30** markah dibahagikan kepada :

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Kata yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) berikan 0 markah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[*30 markah*]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **dua ayat bagi setiap perkataan** di bawah.

- (i) panas
 - a) lawan sejuk (dingin), hangat
 - b) sinar atau cahaya (matahari)
 - c) masih baru (peristiwa dll)
- (ii) cetek
 - a) tidak dalam (sungai dll) , tohor, cangkat
 - b) tidak tinggi (ilmu pengetahuan) , dangkal
- (iii) luas
 - a) tidak sempit , lapang, lebar
 - b) besar atau banyak pengalaman
 - c) tidak terbatas (pemandangan)

(6 markah)

(b) Bina ayat tanya daripada ayat penyata

- (i) *Siapakah pengarah urusan Syarikat Jaya Murni?* (1 markah)
- (ii) *Bilakah Cikgu Aliza akan berpindah ke Pulau Langkawi?* (1 markah)
- (iii) *Di manakah pertandingan pidato sempena Bulan Bahasa diadakan?* (1 markah)
- (iv) *Mengapakah biskut dan kek yang dibuat oleh kakak mendapat pujian pembeli?* (1 markah)
- (v) *Apakah yang digunakan untuk memasak sup tulang dengan cepat?* (1 markah)
- (vi) *Bagaimakah penduduk Kampung Sentosa hidup aman damai?* (1 markah)

(c) Kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan.

Bil	Kesalahan	Pembetulan
i.	ambulan	ambulans
	dikejar	dikejarkan
ii.	rekriasi	rekreasi
	membangunkan	pembangunan
iii.	dailek	dailek
	membicara	berbicara

(d) Kesalahan penggunaan kata dan kesalahan tatabahasa.

Bil	Kesalahan	Pembetulan
i.	profesion	profesional
	dikagumi oleh saya	saya kagumi
ii.	kuantiti	kualiti
	berapa	beberapa
iii.	jasa	khidmat
	kebanyakyan murid-murid / murid-murid	kebanyakyan murid / murid

(e) Nyatakan peribahasa

- (i) bagi pahat dengan penukul
- (ii) menangguk di air keruh

- (iii) bagai cendawan tumbuh selepas hujan

Soalan 4 : Novel

(15 markah)

Panduan pemarkahan:

Soalan 4(a)

1. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 1 markah bagi setiap **latar tempat** yang betul.
4. Beri 1 markah bagi **huraian / contoh** yang lengkap dan jelas.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberikan secara *impression*
 - Baik - 3 m
 - Sederhana - 2 m
 - Lemah - 1 m
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

(a) Dua latar tempat

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>1. Kuala Lumpur – Tempat tinggal Lili dan keluarganya</p> <p>2. Stesen bas- Lili menaiki bas dari Kuala Lumpur ke kampung datuk dan neneknya di Dungun, Terengganu</p> <p>3. Perhentian bas Pekan Sentosa,Dungun, Terengganu- Lili berhenti sebelum ke Kampung Sentosa,tempat tinggal datuk dan nenek Lili</p> <p>4. Pekan Sejahtera, Dungun, Terengganu - Tempat tinggal Geetha</p> <p>5. Surau- tempat orang kampung berkumpul</p> <p>6. Bangsal di tepi sawah – Lili menunggu neneknya yang bekerja di sawah padi</p> <p>7. Hutan- tempat datuk mencari tumbuhan-tumbuhan herba dan akar kayu</p> <p>8. Jeti nelayan- tempat Lili, Geetha dan Danel menyaksikan matahari terbit</p>	<p>1. Padang bola jaring –Dahlia berlatih bola jaring bersama dengan rakannya, Siti Wangi.</p> <p>2. Kantin – Tempat Azhari menunggu Dahlia</p> <p>3. SMK Tun Ismail – lima kilometer dari kampung halaman, tempat Azhari dan Dahlia pernah belajar sewaktu Dahlia Tingkatan satu dan Azhari Tingkatan Lima</p> <p>4. Sekolah Menengah Temenggung Ibrahim-Dahlia menimba ilmu sebagai pelajar tingkatan enam. Dia tinggal di asrama sekolah ini.</p> <p>5. Bilik Kerjaya- Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam di bilik ini, Cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita.</p> <p>6. Kebun getah- 20 meter dari rumah seluas lima ekar tempat Saleha menoreh getah</p> <p>7. Kampung Parit Haji Rais – Tempat tinggal Dahlia . Di sini, Dahlia menjaga adik-adiknya, Melati, Kiambang, Mawar, dan Anggerik setelah emaknya dirawat di hospital.</p> <p>8. Hospital Batu Pahat (Wad 6) -Tempat Saleha dibawa untuk mendapatkan rawatan pada peringkat awal.</p>

	<p>9. Hospital Batu Pahat (Wad 4)- Abah Dahlia dirawat di hospital ini setelah dipatuk ular.</p> <p>10. Hospital Permai, Johor Bahru – Tempat emak Dahlia dirawat di bilik 16. Di sini juga Azhari bekerja sementara setelah mendapat segulung ijazah.</p> <p>11. Sungai –kira-kira 45 meter dari rumah Dahlia- Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai ini.</p> <p>12. Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir-Kira-kira dua kilometer dari rumah Dahlia di sinilah Embong memotong kelapa sawit setelah pulang dari rumah Aton. Di kebun kelapa sawit inilah ular sawa telah membelit Embong.</p> <p>13. Sekolah Kebangsaan Jelotong- Said dan Melati bersekolah di sini</p> <p>14. Rumah Aton kira-kira 150 meter dari rumah Dahlia.- Dahlia disindir oleh Aton kerana dikatakan Dahlialah yang menyebabkan Said mati lemas.</p> <p>15. Balai raya Kampung Parit Haji Rais- Beberapa orang penduduk bergotong – royong semasa majlis sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, di sini juga menjadi tempat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di kampung Dahlia.</p>
--	--

Soalan 4(b)

- 1) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari di tingkatan empat dan di tingkatan lima.
- 2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- 3) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan tentang peristiwa**
- 4) Beri 2 markah bagi setiap **huraian peristiwa dan pernyataan** yang betul untuk setiap pernyataan.
- 5) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap isi).
- 6) Markah bahasa maksimum 2.
- 7) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- 8) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- 9) Calon tidak menjawab 0 markah.

(b) Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>1. Keberanian menyelamatkan rakan yang diculik. Peristiwa Danel berani menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq.</p> <p>2. Keberanian dalam mencuba mencari alternatif baru untuk perubatan. Peristiwa datuk Lili iaitu Hj Abdul Rahman berani menggunakan herba-herba hutan untuk mengubati penyakit beberapa orang tetamu yang datang dari Kuala Lumpur.</p> <p>3. Keberanian dalam berhujah. Peristiwa Danel berani menegakkan hujahnya berkaitan dengan perubatan moden kepada datuk Lili yang mengamalkan perubatan tradisional.</p> <p>4. Keberanian menyatakan sesuatu yang benar. Peristiwa Che Jah membuat pengakuan bahawa suaminya yang melarikan kubah surau sedangkan selama ini penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafik yang melakukannya.</p>	<p>1. Keberanian dalam membantu orang lain. Peristiwa Dahlia berani menyelamatkan Said yang lemas di sungai walaupun dia tidak pandai berenang. Walau bagaimanapun Said tidak berjaya diselamatkan.</p> <p>2. Keberanian dalam mempertahankan hak. Peristiwa Dahlia berani bertegas dengan neneknya agar tanah tapak rumah keluarganya tidak dijual kepada orang lain.</p> <p>3. Keberanian dalam mempertahankan diri. Peristiwa Embong berani membunuh ular sawa yang membelit tubuh badannya ketika dia sedang membersihkan ladang kelapa sawit.</p>

**Jawapan lain yang sesuai diterima.

-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-